

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9301

SOALAN:

**Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan tahap keselamatan dan kawalan di
sempadan Malaysia-Thailand bagi menghalang penyeludupan dadah
dan senjata api.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa melihat isu keselamatan sempadan serta kedaulatan negara sebagai satu elemen yang signifikan kepada kesejahteraan hidup rakyat dan pembangunan negara secara berterusan. Negara kita tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai bentuk ancaman yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara. Aktiviti penyeludupan ini berupaya memesonkan sumber Kerajaan apabila dieksplotasi oleh penyeludup untuk mengaut keuntungan daripada hasil negara dan boleh mengancam keselamatan negara apabila barangan yang merbahaya juga diseludup ke dalam negara.

Kementerian telah mengadakan kerjasama yang erat dengan negara-negara yang bersempadan seperti Singapura, Thailand dan Indonesia bagi mengekang aktiviti penyeludupan dan juga jenayah rentas sempadan yang lain. Sehingga kini kerjasama yang diberikan adalah memuaskan dan rundingan sentiasa dibuat dari semasa ke semasa.

Kerajaan telah menubuhkan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) bagi meningkatkan kawalan di sempadan dengan menggabungkan agensi penguatkuasaan seperti PDRM, Kastam, Imigresen, AADK, dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara di bawah satu pasukan petugas bagi mengambil tindakan secara holistik dan bersepadu.

Selain itu, Kementerian juga meneliti cadangan menaiktaraf pagar keselamatan yang sedia ada dan pembinaan pagar keselamatan baharu di sempadan Antarabangsa negara. Cadangan ini ekoran daripada beberapa insiden yang telah berlaku di sempadan negara dan selaras dengan itu, Kementerian mengambil inisiatif untuk memperketatkan lagi kawalan di sempadan untuk memastikan insiden itu tidak berulang kembali pada masa hadapan.